



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 12 April 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JKM Kelantan Tidak Lantik Ejen Buat Bancian Bantuan https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/jkm-kelantan-tidak-lantik-ejen-buat-bancian-bantuan/	Utusan	Neutral
2	1,002 Lagi Penerima Disantuni Pada Program Sejambak Kasih Aidilfitri 2023 https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/11/1002-lagi-penerima-disantuni-pada-program-sejambak-kasih-aidilfitri-2023	Utusan Borneo	Neutral
3	'Saya Tak Ada Baju Raya Pun Tak Apa' https://www.sinarharian.com.my/article/253936/khas/ra-madan/saya-tak-ada-baju-raya-pun-tak-apa	Sinar Harian	Neutral

4	<p>Lelaki Didenda RM5,000 Kerana Miliki Video Lucah Kanak-Kanak</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/955719/lelaki-didenda-rm5000-kerana-miliki-video-lucah-kanak-kanak</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/11/runner-insurans-didenda-rm5000-simpan-video-lucah-kanak-kanak/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/penghantar-surat-syarikat-insurans-mengaku-salah-miliki-video-lucah-kanak-kanak/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/11/mahkamah-runner-miliki-video-lucah-kanak-kanak-didenda-rm5000/</p> <p>http://origin.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1088663/lelaki-57-tahun-didenda-rm5000-miliki-video-lucah-kanak-kanak</p>	<p>Harian Metro</p> <p>FMT</p> <p>Utusan</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
5	<p>Polis Sahkan Bayi Cedera Akibat Jatuh Di Lantai Bukan Didera</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-sahkan-bayi-cedera-akibat-jatuh-di-lantai-bukan-didera-415012</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/955660/bayi-benjol-di-dahi-bukan-mangsa-dera-pengasuh</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/253995/berita/semasa/polis-sahkan-bayi-cedera-akibat-jatuh-di-lantai-bukan-didera</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2180771</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-ada-kesan-benjol-bukan-mangsa-dera-pengasuh/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
6	<p>Pada Usia Hanya Sebulan Lebih, Alifa Perlu Bantuan Anda Untuk Terus Hidup</p>		Neutral

	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/12/bayi-sebulan-lebih-alifa-perlu-bantuan-anda-untuk-terus-hidup/	FMT	
7	<p>Lelaki Keluar Kata-Kata Lucah Terhadap Wanita Ditahan Polis</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/11/lelaki-keluar-kata-kata-lucah-terhadap-wanita-ditahan-polis/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1088861/lelaki-biadap-terhadap-wanita-beli-juadah-berbuka-puasa-ditahan-polis</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/254060/berita/semasa/lelaki-halang-kereta-wanita-cakap-lucah-ditahan</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/lelaki-keluar-kata-kata-lucah-terhadap-wanita-ditahan-polis/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/11/wanita-diganggu-kena-serangan-seksual-dengan-lelaki-lagak-gangster/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/11/polis-tahan-lelaki-halang-kereta-cakap-lucah-pada-wanita/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Kosmo</p> <p>FMT</p>	Neutral
8	<p>Wanita OKU Terlantar Maut Dalam Kebakaran</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/955864/wanita-oku-terlantar-maut-dalam-kebakaran</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/254050/berita/semasa/wanita-oku-maut-rumah-terbakar</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-oku-maut-dalam-kebakaran-JM10857842</p> <p>https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2180904</p> <p>https://tvstv.my/2023/04/11/wanita-oku-terlantar-ditaktil-maut-dalam-kebakaran/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Bernamea</p> <p>TVSTV</p>	Neutral

	<p>https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-okurentung-dalam-kebakaran-2/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/955864/wanita-okuterlantar-maut-dalam-kebakaran</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/wanita-okumaut-dalam-kebakaran-rumah/</p> <p>https://selangorkini.my/2023/04/wanita-okumaut-dalam-kebakaran-rumah/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/11/wanita-okumaut-akibat-terhidu-asap/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/11/wanita-okumaut-rumah-terbakar/</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/04/11/wanita-okumaut-rumah-terbakar/</p> <p>https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/04/11/wanita-okumaut-rumah-terbakar/</p> <p>https://headtopics.com/my/wanita-okuterlantar-maut-dalam-kebakaran-harian-metro-37815610</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p> <p>Selangor Kini</p> <p>FMT</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Warta Rakyat</p> <p>Head Topics</p>	
9	<p>Enam Tahun Tinggal Di Stor, Kini Ibu Tunggal Dapat Rumah Baharu</p> <p>https://www.utusan.com.my/terkini/2023/04/enam-tahun-tinggal-di-stor-kini-ibu-tunggal-dapat-rumah-baharu/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral
10	<p>Warga Emas Ditemukan Berulat, Meninggal Dunia Lebih Seminggu</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/11/warga-emas-ditemukan-berulat-meninggal-dunia-lebih-seminggu/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/mayat-warga-emas-ditemukan-dalam-keadaan-berulat/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Utusan</p>	Neutral

	https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2023/04/warga-emas-hilang-sejak-ahad-ditemukan-dalam-longkang/ https://www.sinarharian.com.my/article/253990/berita/semasa/warga-emas-hilang-ditemukan-maut-dalam-longkang	<p>Utusan</p> <p>Sinar Harian</p>	
11	<p>Warga Emas Tinggal Motosikal, Selipar Sebelum Terjun Jambatan</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/11/warga-emas-tinggal-motosikal-selipar-sebelum-terjun-jambatan/</p>	<p>Kosmo</p>	Neutral
12	<p>Lelaki OKU Rentung Dalam Kebakaran</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1088895/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/61437-oku-rentung-dalam-kebakaran-di-george-town</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-rentung-dalam-kebakaran-rumah-kedai/?utm_source=BUTV3&utm_medium=terkini</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Berita RTM</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
13	<p>Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori Legakan OKU Mangsa Keldai Dadah</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/11/pemansuhan-hukuman-mati-mandatori-legakan-oku-mangsa-keldai-dadah/</p>	<p>Malaysia Gazette</p>	Neutral

JKM KELANTAN TIDAK LANTIK EJEN BUAT BANCIAN BANTUAN

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/jkm-kelantan-tidak-lantik-ejen-buat-bancian-bantuan/>

Sumber : Utusan



KOTA BHARU: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan menegaskan pihaknya tidak pernah melantik mana-mana ejen untuk menjadi wakil agensi itu untuk melakukan kerja-kerja bancian bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Pengarahnya, Said Sidup berkata, kerja-kerja tersebut akan dilakukan sendiri oleh kakitangan yang lengkap memakai 'vest' berwarna oren milik agensi berkenaan.

“Selain 'vest', kakitangan JKM turut dibekalkan dengan kad perakuan sebagai petugas. Sekiranya orang ramai ditangi oleh individu yang mendakwa sebagai kakitangan JKM boleh meminta mereka supaya mengemukan kad perakuan.

“Bukan itu sahaja, mereka boleh menghubungi pejabat JKM terdekat untuk membuat semakan berhubung dengan kakitangan tersebut,” katanya kepada Utusan Malaysia selepas diminta mengulas isu penipuan melibatkan individu yang menyamar sebagai kakitangan agensi di sini hari ini.

Said memberitahu, sehubungan dengan itu orang ramai diminta supaya berwaspada dan tidak mudah mempercayai individu yang menyamar sebagai kakitangan JKM jika wujud keraguan.

Katanya, mereka yang mempunyai maklumat berkait dengan perkara itu diminta menghubungi polis untuk tindakan selanjut.

Utusan Online semalam melaporkan, seorang warga emas kerugian RM6,300 selepas diperdaya wanita yang menyamar sebagai pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan menyerahkan barang kemas miliknya dalam kejadian di Kampung Lawar, Jeli.

Kejadian pukul 3.30 petang itu berlaku semasa warga emas berusia 73 tahun dan suami, 83, sedang berehat di luar rumah sebelum didatangi oleh seorang wanita yang menyamar sebagai pegawai JKM dari Tanah Merah.

Menantu kepada pasangan warga emas yang mahu dikenali sebagai Zali, 51, berkata, pegawai JKM berusia 40-an itu menjejaskan kedatangannya untuk membuat banciaan bagi memberikan bantuan.

Menurutnya, pegawai JKM itu kemudian menawarkan bantuan bulanan berjumlah RM500 dan sebuah rumah baharu kepada warga emas.-**UTUSAN**

1,002 LAGI PENERIMA DISANTUNI PADA PROGRAM SEJAMBAK KASIH AIDILFITRI 2023

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/11/1002-lagi-penerima-disantuni-pada-program-sejambak-kasih-aidilfitri-2023>

Sumber : Utusan Borneo



MIRI: Program Sejambak Kasih Aidilfitri 2023 yang telah dianjurkan selama 21 tahun, kini diteruskan dengan menyalurkan bantuan kewangan dan barangan keperluan asas kepada 1,002 lagi penerima di Miri, hari ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, program kali ini hasil kerjasama di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Miri dan Hotel Dynasty Miri.

“Program Sejambak Kasih dianjurkan untuk meringan beban kewangan serta menceriakan penerima bantuan bukan sahaja pada Hari Raya Aidilfitri tetapi juga perayaan lain seperti Tahun Baharu Cina dan Gawai Dayak,” jelasnya.

Kata Fatimah lagi, setiap penerima menerima wang tunai RM100 di samping hamper bernilai RM80 manakala bagi mereka yang tidak dapat hadir, dana tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun masing-masing.

Hotel Dynasty Miri turut menyumbang hamper bernilai RM150 yang mengandungi barangan keperluan asas kepada setiap penerima.

“Penerima bantuan program Sejambak Kasih di Miri ini beruntung kerana Hotel Dynasty sendiri memberi sumbangan berupa barangan keperluan asas kepada penerima, di samping bantuan sedia ada daripada JKM Sarawak,” katanya.

Fatimah mengakui bahawa Hotel Dynasty Miri banyak menyumbang kepada masyarakat sebagai tanggungjawab sosial korporat (SCR) dalam pelbagai perayaan besar di Sarawak.

Bantuan daripada JKM itu bukan hanya untuk golongan tertentu sebaliknya membantu semua orang tanpa mengira kaum dan hanya dianjurkan di Sarawak.

Program itu bertujuan meringankan beban kepada golongan kurang berkemampuan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU) dan sebagainya.

Dalam pada itu kata Fatimah, sejak Januari hingga Mac JKM Miri menyalurkan perbelanjaan berjumlah RM5,471,000 kepada 4,420 penerima bantuan.

Manakala bagi kes kecemasan seperti banjir, sejumlah RM3,048,576 diagihkan kepada 18,509 keluarga yang melibatkan 60,457 mangsa.

Untuk kes kebakaran pula, JKM Miri telah menyalurkan Bantuan Segera berjumlah RM199,950, Bantuan Bahan Binaan bernilai RM276,000 dan Bantuan Perniagaan sebanyak RM12,000.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Rosey Yunus, Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Datuk Sebastian Ting dan Pengarah Urusan Hotel Dynasty Miri Tony Pui.

'SAYA TAK ADA BAJU RAYA PUN TAK APA'

<https://www.sinarharian.com.my/article/253936/khas/ramadan/saya-tak-ada-baju-raya-pun-tak-apa>

Sumber : Sinar Harian



KOTA BHARU - “Saya tak ada baju raya pun tak apa.” Itu luahan sayu seorang asnaf juga ibu kepada tiga cahaya mata dari Lundang di sini yang belum melakukan persiapan Hari Raya Aidilfitri tahun ini kerana kesempitan hidup.

Wan Kamariah Wan Mohd Nor, 52, memberitahu dia mengambil upah membantu iparnya menjahit baju kurung dengan pendapatan RM20 sepasang.

Bagaimanapun, dia tidak dapat menerima tempahan yang banyak kerana mata kanan yang rosak akibat penyakit ketumbuhan pada hidung dan mata sejak lahir.

“Adik-beradik sahaja yang upah saya jahit baju mereka. Orang ramai tak nak sebab saya jahit lambat kerana hanya gunakan mata sebelah kiri.

“Saya pandai jahit baju kurung sahaja dan tak pandai jahit ikut fesyen terkini. Sambutan raya kami kali ini pun ala kadar sahaja,” katanya sambil mengesat air mata.

Wan Kamariah ditemui pada Program Memacu Kehidupan: Hari Raya Aidilfitri Petronas di sini, pada Isnin.



Wan Kamariah (kiri) menerima sumbangan yang disampaikan oleh Said (kanan) sambil diiringi Mohammad Ahmad Shazly (tengah).

Turut hadir, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan, Said Sidup.

Wan Kamariah berkata, suaminya, Mohd Yusoff Awi, 46, bekerja tidak menentu dan kadangkala mengambil upah sebagai buruh dengan pendapatan RM70 sehari.

“Bulan puasa tidak banyak buat rumah lebih-lebih lagi dia cepat penat kerana menghidap kencing manis.

“Kami hanya bergantung bantuan daripada JKM sebanyak RM450 untuk elaun pekerja cacat,” katanya.

Kamariah turut mempunyai anak orang kurang upaya (OKU) sindrom down iaitu Nur Bismillah Shahirah Mohd Yusoff, 14, yang menerima bantuan JKM RM150 sebulan.

“Nur Bismillah menerima sumbangan RM200, dapatlah beli baju raya.

“Anak sulung umur 15 tahun pula bekerja pada hari cuti sekolah sebagai pembantu gerai burger dan sudah membeli baju raya. Tinggal anak bongsu yang berusia 12 tahun belum ada apa-apa,” katanya.

Bagi yang ingin membantu boleh menghubungi Wan Kamariah di talian 014-3217300.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Petronas Pantai Timur, Mohammad Ahmad Shazly Ramli berkata, Yayasan Petronas menyampaikan sumbangan kepada 1,350 keluarga asnaf di negeri Pantai Timur dengan keseluruhan bernilai RM270,000.

“Kenaikan harga barangan sedikit sebanyak memberi kesan kepada perbelanjaan isi rumah terutama pada hari raya.

“Kami berharap agar sumbangan ini mampu meringankan beban mereka dan memeriahkan lagi sambutan Aidifitri nanti,” katanya.

LELAKI DIDENDA RM5,000 KERANA MILIKI VIDEO LUCAH KANAK-KANAK

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/955719/lelaki-didenda-rm5000-kerana-miliki-video-lucah-kanak-kanak>

Sumber : Harian Metro



Kuala Terengganu: Seorang 'runner' insurans didenda RM5,000 di Mahkamah Majistret, di sini, hari ini, kerana memiliki video lucah kanak-kanak di dalam komputer ribanya.

Tertuduh, Wan Azhar Wan Ismail, 57, turut berdepan hukuman penjara 12 bulan sekiranya dia gagal menjelaskan denda berkenaan.

Keputusan itu dibuat Majistret Nik Mohd Tarmizie Nik Mohd Shukri selepas tertuduh mengaku salah terhadap pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa mengakses serta mempunyai dalam milikan dan kawalan suatu bahan pornografi kanak-kanak iaitu rakaman video lucah membabitkan kanak-kanak dalam simpanan komputer riba.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di daerah ini, jam 9.30 malam pada 6 April lalu.

Tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 berdepan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Amalina Najwa Mohd Ali manakala tertuduh diwakili peguam daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan.

POLIS SAHKAN BAYI CEDERA AKIBAT JATUH DI LANTAI BUKAN DIDERA

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-sahkan-bayi-cedera-akibat-jatuh-di-lantai-bukan-didera-415012>

Sumber : Astro Awani



PASIR GUDANG: Polis mengesahkan tiada sebarang unsur penderaan membabitkan bayi lelaki 10 bulan di kediaman pengasuhnya di Taman Kota Masai di sini seperti yang tular di laman sosial pada Februari lepas.

Ketua Polis Daerah Seri Alam Supt Mohd Sohaimi Ishak berkata, siasatan mendapati kesan benjol di dahi dan kemerahan pada kedua-dua pipi bayi berkenaan adalah kesan terjatuh di lantai.

"Kita menerima laporan daripada bapa bayi berkenaan yang juga warga tempatan berusia 27 tahun memaklumkan telah menghantar anaknya ke rumah pengasuh iaitu seorang wanita tempatan berusia 41 tahun pada 9 pagi 23 Feb lepas di Taman Kota Masai.

"Pada 5 petang hari sama, isteri lelaki berkenaan menerima panggilan daripada pengasuh memaklumkan anak mereka jatuh tersembam di atas lantai dan apabila isteri pengadu mengambil anaknya dari rumah pengasuh dia kesan kecederaan benjol pada bahagian dahi dan kemerahan pada kedua belah pipi," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohd Suhaimie berkata mangsa kemudiannya telah dirujuk ke Hospital Sultan Ismail untuk pemeriksaan yang mendapati dia mengalami kecederaan ringan di bahagian kiri dan atas kepala akibat terjatuh di atas lantai.

"Tiada kesan dipukul di anggota badan bayi berkenaan serta emosinya juga didapati interaktif, ceria dan stabil dan siasatan juga mendapati bayi berkenaan juga dihantar ke rumah pengasuh sebaliknya bukan pusat jagaan seperti dalam maklumat yang tular.

"Kertas siasatan dirujuk ke Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Johor dan keputusan kes tiada tindakan selanjutnya kerana tidak wujud elemen kesalahan pengabaian, penganiayaan, pembuangan atau pendedahan terhadap mangsa yang jatuh tersembam," katanya.

Pada 23 Feb lepas, seorang wanita memuat naik imej bayi lelakinya yang serta kluatir cahaya matanya itu menjadi mangsa penderaan. Perkongsian itu menerima reaksi pelbagai pihak.

PADA USIA HANYA SEBULAN LEBIH, ALIFA PERLU BANTUAN ANDA UNTUK TERUS HIDUP

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/12/bayi-sebulan-lebih-alifa-perlu-bantuan-anda-untuk-terus-hidup/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Pada usia hanya sebulan lebih, Alifa Zea Amanda sedang berjuang di sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur untuk terus hidup. Dengan tiub terpasang di mulut dan hidungnya, dia berada di unit rawatan rapi neonatal (NICU) sejak lahir dan memerlukan bantuan anda.

Alifa menghidap kecacatan jantung kongenital yang dikenali sebagai transposisi arteri besar, pada asasnya bermaksud dua arteri utama yang meninggalkan jantungnya dalam keadaan terbalik. Oleh itu, dia perlu menjalani pembedahan suis arteri, serta pembedahan penutupan “patent ductus arteriosus”.

Pembedahan kedua itu adalah untuk membaiki keadaan di mana “ductus arteriosus”, bukaan yang menjadi sebahagian daripada sistem aliran darah bayi dalam rahim, tidak tertutup selepas lahir.

Tanpa prosedur ini, Alifa lama-kelamaan tidak akan dapat bertahan kerana dia akan mengalami kegagalan jantung.

Alifa ialah anak sulung kepada Arul dan Mailah, pasangan warga Indonesia berusia lewat 20-an hingga awal 30-an. Seperti kebanyakan ibu bapa baharu, pasangan itu tidak sabar-sabar menanti ketibaan anak perempuan mereka.

Tiada perkara yang tidak diingini berlaku semasa kehamilan atau kelahiran Mailah. Hanya setelah beberapa jam dilahirkan, barulah pakar obstetrik menyedari kulit Alifa menjadi kebiru-biruan dan mengesyaki dia mengalami masalah jantung.

Pasangan itu dinasihatkan membawa Alifa ke hospital pakar untuk pemeriksaan segera. Mereka dimaklumkan bahawa prosedur-prosedur tersebut akan memakan belanja kira-kira RM100,000.



Alifa Zea Amanda berada di NICU sejak lahir. (Gambar Persatuan Kebajikan Amal Da Ai)

Kedua-dua Arul dan Mailah bekerja sebagai tukang cuci dan tidak mampu membayar jumlah itu. Selain tekanan kewangan, mereka bergelut menghadapi pengalaman pahit ini, yang menjejaskan emosi mereka.

Oleh itu, mereka telah cuba mendapatkan bantuan daripada Persatuan Kebajikan Amal Da Ai, sebuah NGO bertujuan membantu individu kurang upaya dan berkeperluan khas, serta keluarga yang melalui masa sukar, melalui kutipan dana awam dan cara lain.

Kakitangan Da Ai yang mengendalikan kes ini, Yumi Hwang memberitahu FMT, organisasi itu masih belum mengira jumlah yang telah mereka terima setakat ini.

“Sementara Alifa menunggu pembedahan di NICU, kami harap semua orang dapat bersama-sama membantu menyelamatkan nyawanya.

“Kami juga harap Alifa dapat menjalani kehidupan yang sihat dan bahagia seperti kanak-kanak normal,” kata Hwang.

Menurutnya, Arul dan Mailah menetap di Lembah Klang, namun tidak mempunyai saudara mara di negara ini yang boleh membantu.

“Kami harap anak kami boleh jalani pembedahan, tetapi kami tiada wang,” kata Mailah dalam video yang dikongsi oleh Da Ai.

“Wajahnya sudah kebiru-biruan. Jika (Alifa) tidak jalani pembedahan segera, menurut doktor, dia mungkin akan meninggal dunia.”

“Saya harap ada orang yang ingin membantu kami, supaya anak kami boleh jalani pembedahan (dan) sihat seperti bayi lain,” tambah Arul.

Jika anda ingin menderma untuk pembedahan Alifa, sila hubungi Yumi Hwang di 016-964 9766 atau e-mel yumidaai@gmail.com.

LELAKI KELUAR KATA-KATA LUCAH TERHADAP WANITA DITAHAN POLIS

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/11/lelaki-keluar-kata-kata-lucah-terhadap-wanita-ditahan-polis/>

Sumber : Kosmo



PORT DICKSON – Seorang lelaki yang mengeluarkan kata-kata lucah terhadap seorang wanita seperti yang tular dalam sebuah video di media sosial Twitter telah ditahan polis hari ini.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superitendan Aidi Sham Mohamed berkata, lelaki berusia 38 tahun itu ditahan berhubung kejadian tersebut selepas pihak polis menerima laporan daripada mangsa iaitu seorang wanita lebih pukul 3.40 petang.

“Hasil saringan awal urin suspek adalah negatif. Suspek tiada rekod kesalahan lampau dan kini ditahan di lokap Balai Polis Port Dickson untuk siasatan lanjut.

“Pihak polis mengesahkan telah menerima satu laporan polis daripada mangsa dan kes disiasat di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955 kerana mengaibkan kehormatan serta mengeluarkan perkataan tidak sopan di khalayak awam,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Aidi Sham, terdahulu lebih kurang pukul 9.22 pagi tadi telah terkesan sebuah video berdurasi 34 saat dimuat naik oleh pemilik akaun Twitter @nanmanjoi8715 yang memaparkan seorang individu menghalang sebuah kereta keluar dari tempat meletak kenderaan sambil mengeluarkan kata-kata lucah terhadap seorang wanita.

Aidi Sham berkata, kejadian tersebut berlaku lebih kurang pukul 6.30 petang semalam dihadapan sebuah bangunan di Bandar Springhill di sini.-KOSMO! ONLINE

WANITA OKU TERLANTAR MAUT DALAM KEBAKARAN

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/955864/wanita-oku-terlantar-maut-dalam-kebakaran>

Sumber : Harian Metro



Bukit Mertajam: Wanita orang kurang upaya (OKU) ditemukan maut selepas rumah yang didiaminya di Kampung Alma, di sini terbakar, hari ini.

Dalam kejadian kira-kira jam 5 petang itu, mangsa, Nuraida Hashim, 43 berada di atas katil di dalam bilik rumah berkenaan.

Abang ipar mangsa yang dikenali sebagai Abdul Rais, 48 berkata, dia mendapat panggilan daripada anaknya memaklumkan rumah mereka terbakar.

Katanya, ketika itu dia bersama isterinya tiada di rumah kerana mempunyai urusan di Kulim, Kedah.

"Anak memaklumkan dia hanya sempat melarikan diri bersama nenek berusia 80-an sementara ibu saudaranya tidak dapat dibawa keluar memandangkan api sedang marak.

"Saya kemudian terus menghubungi bomba dan polis bagi mendapatkan bantuan serta pulang ke rumah serta merta," katanya.

Katanya, bilik adik iparnya berada berdekatan dapur dan dia mengesyaki kebakaran itu berpunca daripada litar pintas, namun menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk melakukan siasatan.

"Adik ipar saya sudah dua tahun terlantar di atas katil dan anak memaklumkan kejadian berlaku terlalu pantas," katanya.

Sementara itu, Komander Operasi Bomba Mohd Fazlee Mohamad, berkata sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bukit Mertajam dan BBP Bandar Perda bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan kecemasan jam 5.08 petang berhubung insiden terbabit.

"Anggaran peratusan kemusnahan kebakaran adalah 40 peratus dan ia dapat dikawal pada 5.31 petang.

"Pemeriksaan lanjut menemui seorang mangsa wanita OKU di atas katil di dalam sebuah bilik dan berjaya dibawa keluar oleh pasukan penyelamat sebelum disahkan sudah meninggal dunia," katanya.

Mayat mangsa kemudian diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

Operasi itu tamat sepenuhnya pada 7.48 malam dan punca kebakaran masih dalam siasatan.

ENAM TAHUN TINGGAL DI STOR, KINI IBU TUNGGAL DAPAT RUMAH BAHARU

<https://www.utusan.com.my/terkini/2023/04/enam-tahun-tinggal-di-stor-kini-ibu-tunggal-dapat-rumah-baharu/>

Sumber : Utusan



RAUB: Setelah enam tahun tinggal di stor lama, kehidupan ibu tunggal, Ngatani Wagiman, 59, kini lebih selesa apabila kerajaan negeri memberikan bantuan rumah baharu menerusi projek Rumah Rakyat Pahang (RRP) di Kampung Sungai Pasu di sini. Bercakap kepada Utusan Malaysia, Ngatani berkata, ekoran hidup susah dan tiada tempat tinggal, dia serta dua orang anaknya terpaksa berteduh di stor lama terletak...

WARGA EMAS DITEMUKAN BERULAT, MENINGGAL DUNIA LEBIH SEMINGGU

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/11/warga-emas-ditemukan-berulat-meninggal-dunia-lebih-seminggu/>

Sumber : Kosmo



REMBAU – Rasa curiga penduduk yang juga jiran susulan sudah lama tidak terlihat kelibat seorang warga emas ke solat terawih di masjid membawa penemuan mayat warga emas itu di dalam rumahnya di Kampung Masjid Selemak, di sini, pagi tadi.

Dalam kejadian kira-kira pukul 11.20 pagi itu, Zulkarnain Alias, 66, disahkan sudah meninggal dunia oleh pasukan paramedik yang tiba di lokasi kejadian.

Menurut Ketua Polis Daerah Rembau, Deputy Superintendan Hazri Mohamad, hasil siasatan di tempat kejadian mendapati seorang lelaki terbaring di ruang tamu rumah dalam keadaan berpakaian lengkap dan telah berulat di bahagian kepala dan kaki.

“Simati disyaki telah meninggal dunia sejak seminggu yang lalu. Simati telah di dikeluarkan dari rumah dan dihantar ke Hospital Rembau untuk proses bedah siasat. Kes diteruskan siasatan dan menunggu hasil bedah siasat yang akan dijalankan hari ini.

“Hasil temubual dengan waris si mati menyatakan si mati merupakan pesakit strok sejak 20 tahun yang lalu akibat demam panas dan sekaligus merosakkan sistem pendengarannya, selain sakit kencing manis dan darah tinggi. Kali terakhir waris ke rumah si mati iaitu 1 April lalu, si mati dalam keadaan sihat,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sementara itu, jiran si mati, Mohd Zura Idris, 67, berkata, dia mulai berasa tidak sedap hati apabila tidak nampak kelibat warga emas berkenaan, namun dimaklumkan kemungkinan tiada di rumah kerana pergi ke rumah adik-beradik yang lain.

“Tapi hati saya dah tak sedap, dua tiga hari ini macam bau busuk. Jadi saya maklumkan pada Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Selemak, Mohd Izal Ibrahim, 41, untuk meninjau ke rumah si mati.

Menurut Mohd Izal, dia ternampak si mati dalam keadaan terbaring di atas lantai dan beberapa bahagian badan termasuk muka sudah dipenuhi ulat.

“Saya terkejut kerana ini baru pertama kali kejadian mati berhari-hari di dalam rumah. Arwah kebiasaannya setiap tahun akan bersolat terawih, namun kali ni tiada dan saya tertanya-tanya juga namun beranggapan, arwah ke rumah adik-beradiknya yang lain,” katanya. – KOSMO! ONLINE

WARGA EMAS TINGGAL MOTOSIKAL, SELIPAR SEBELUM TERJUN JAMBATAN

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/11/warga-emas-tinggal-motosikal-selipar-sebelum-terjun-jambatan/>

Sumber : Kosmo



MUAR – Seorang warga emas nekad terjun dari jambatan dipercayai dalam cubaan membunuh diri di Jambatan 1, Sungai Muar, Bandar Maharani, awal pagi ini di sini, hari ini.

Menurut Komander Operasi, TPgB II Shahrizal Mokhtar, pihak bomba menerima panggilan mengenai kejadian kira-kira pukul 6.03 pagi.

“Kami menerima panggilan kecemasan dari pihak polis melaporkan mengenai seorang warga emas lelaki lingkungan usia 77 tahun telah terjun dari atas jambatan.

“Setibanya pihak bomba di tempat kejadian, kelibat mangsa tidak kelihatan. Hanya motosikal serta selipar mangsa di ditemui di tepi jalan atas jambatan,”katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tambah Shahrizal, misi pencarian dijalankan dengan kekuatan 17 orang anggota termasuk empat anggota dari Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) menggunakan dua jentera bomba serta dua buah bot aluminium.

Ujarnya, usaha pencarian sedikit mencabar atas faktor pasang surut air sungai dan pencarian masih diteruskan sehingga kini.-KOSMO! ONLINE

LELAKI OKU RENTUNG DALAM KEBAKARAN

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1088895/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran>

Sumber : Berita Harian



GEORGETOWN: Lelaki dipercayai Orang Kelainan Upaya (OKU) ditemui rentung dalam kebakaran membabitkan rumah kedai dua tingkat di Jalan Seri Bahari, di sini, awal pagi tadi.

Mangsa ditemui di atas lantai dalam bilik air tingkat bawah rumah berkenaan.

Ketua Zon 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pulau Pinang, Jamil Abdullah, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 4.11 pagi sebelum menggerakkan 40 anggota termasuk dari BBP Jalan Perak dan Bagan Jermal.

"Ketika tiba di tempat kejadian, didapati api marak membakar rumah kedai dua tingkat dan maklumat awal diterima, terdapat seorang individu terperangkap di dalam premis itu.

"Anggota berjaya mengawal kebakaran pada jam 4.43 pagi," katanya di lokasi, hari ini.

Jamil berkata, mayat mangsa kemudian ditemui di bilik air yang terletak di bahagian belakang aras bawah rumah berkenaan.

Katanya, mayat mangsa kemudian diserahkan kepada polis sebelum dibawa ke Hospital Pulau Pinang (HPP) bagi urusan bedah siasat.

"Menerusi maklumat awal daripada orang awam, mangsa dipercayai lelaki OKU namun nama, usia dan butiran lanjut individu itu belum dapat dipastikan," katanya.

Menurut Jamil, pihaknya dimaklumkan oleh pemilik premis bahawa kedai berkenaan tidak dilengkapi dengan bekalan elektrik.

"Kemungkinan ada sumber lain iaitu penggunaan cahaya persendirian seperti lilin yang dipercayai menjadi punca.

"Premis berkenaan dipercayai digunakan bagi menyimpan barangan lusuh dan kebakaran membabitkan kemusnahan sehingga 70 peratus," katanya.

Ia adalah kejadian ketiga pada minggu ini membabitkan kematian mangsa dalam kebakaran.

Semalam, wanita OKU terlantar, Nuraida Hashim, 43, maut dalam kebakaran di Kampung Alma, Bukit Mertajam manakala seorang kanak-kanak, G Sri Laavanya, tujuh tahun ditemui rentung dalam kebakaran di Jalan Paya Terubong, Kampung Pisang Air Itam, di sini, lewat malam Isnin lalu.

PEMANSUHAN HUKUMAN MATI MANDATORI LEGAKAN OKU MANGSA KELDAI DADAH

<https://malaysiagazette.com/2023/04/11/pemansuhan-hukuman-mati-mandatori-legakan-oku-mangsa-keldai-dadah/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUALA LUMPUR – Dewan Negara diberitahu, pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori amat signifikan kepada komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) yang sering dijadikan sebagai keldai dadah oleh pihak tertentu.

Senator Datuk Dr. Ras Adiba Mohd Radzi berkata, justeru beliau menyokong penuh pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1962 atau Akta 234 bagi Fasa 54.

Kata beliau, fasa itu bertujuan untuk meminda Seksyen 39B ADB, yang mana Fasa 50A bertujuan mengubah hukuman bagi kesalahan mengedar dadah dalam Seksyen 39B (2) iaitu bilangan sebatan daripada minimum 15 kali kepada minimum 12 kali jika hukuman mati tidak dijatuhkan.

“Pindaan ini amat tepat pada masanya kerana Malaysia kini merupakan Ahli Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi penggal 2022-2024.

“Pindaan RUU ini tentu sekali boleh menjadi pencapaian Malaysia dalam memberikan pengiktirafan kepada status hak asasi manusia,” katanya dalam sesi menggulung dan menjawab usul pindaan RUU Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori di sini, hari ini.

Menurut Ras Adiba, negara masih tidak lupa insiden yang menimpa ke atas seorang rakyat Malaysia, Nagaenthran K Dharmalingam yang dijatuhkan hukuman gantung sampai mati oleh kerajaan Singapura tahun lalu.

Jelas beliau, Nagaenthran yang merupakan seorang OKU dijatuhkan hukuman mati selepas didapati bersalah mengedar dadah jenis heroin di republik pada 2009.

Katanya, walaupun kerajaan Malaysia telah mengemukakan rayuan, tetapi gagal.

“Sukar untuk kita merayu kepada negara ini agar tidak mengenakan hukuman gantung apabila negara ini juga mempunyai hukuman mati mandatori.

“Ramai lagi golongan OKU terus dijadikan keldai dadah oleh sindiket utama, tetapi yang terus dikenakan hukuman mati adalah insan teraniaya seperti mereka ini, warga emas dan miskin tegar.

“Sehubungan itu, saya mohon kerajaan dapat nyatakan berapakah jumlah OKU yang telah menjadi mangsa keldai dadah di dalam dan luar negara sehingga kini,” katanya.

Beliau turut menyentuh berhubung reformasi penjara dengan menyataka, di Malaysia masih lagi mengalami isu kesesakan penjara dan masih banyak kes 39B, bunuh dan pemilikan senjata api yang berlaku tiap hari, yang menyaksikan hukuman mati tidak mempunyai apa-apa sifat pencegahan. – MalaysiaGazette